

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, February 11, 2020 1:14 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Press Akhiri Aktiviti Pesta Buku Langkawi 2020 Dengan Pelancaran 'Manisnya Komunikasi Bersulam Takwa'



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

11 FEBRUARI 2020 / 17 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohammad Amzari Bakri
Gambar oleh: UUM Press

UUM PRESS AKHIRI AKTIVITI PESTA BUKU LANGKAWI 2020 DENGAN PELANCARAN 'MANISNYA KOMUNIKASI BERSULAM TAKWA'



UUM ONLINE: Langkawi - Pelancaran buku 'Manisnya Komunikasi Bersulam Takwa' oleh UUM Press mengakhiri aktiviti Pesta Buku Langkawi 2020 yang berlangsung selama lima hari mulai 31 Januari lalu di Langkawi Fair Shopping Mall, Kuah.

Buku hasil nukilan pensyarah Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), Dr. Azlina Kamaruddin itu berkisarkan tentang komunikasi pemujukan yang mengkhusus kepada perspektif Islam.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah (PPAK), Shahizan Affandi Zakaria berkata, beliau berterima kasih kepada UUM Press kerana sentiasa menyokong segala aktiviti yang dianjurkan PPAK.

"Saya berharap jalinan kerjasama ini akan berterusan pada masa hadapan dalam usaha untuk menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat, selain menonjolkan karya-karya baharu," katanya selepas melancarkan buku 'Manisnya Komunikasi Bersulam Takwa'.

Selain itu, turut diadakan majlis resensi tiga buku terbitan UUM Press iaitu 'Himpunan Sajak: ABATA', 'Kumpulan Puisi: Benarlah Katamu' dan 'Manisnya Komunikasi Bersulam Takwa'.

Ketiga-tiga buku tersebut telah dimudah cara oleh Kerabat Seni Negeri Sembilan, Rosman Md Shah dan Ketua Unit Perolehan Koleksi, PPAK, Wan Ahmad Hanis Wan Yahya.

Pesta Buku Langkawi 2020 anjuran PPAK itu julung kali diadakan di pulau legenda ini yang bertujuan untuk menarik minat membaca dan cintakan buku dalam kalangan penduduk Langkawi dan juga pelancong yang datang.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.